

CNS4588

R GB 07-07 00177 BH307

Bah

PROJEK PERGAU: KERAJAAN PUSAT MASIH KAJI PERMINTAAN PAMPASAN

Mahathir - Pergau

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Kerajaan Pusat masih mengkaji permintaan Kerajaan Negeri Kelantan mendapatkan wang pampasan (pendahuluan) sebanyak \$90 juta kerana pembinaan projek hidro-elektrik Pergau di negeri itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, Kerajaan Pusat masih belum menolak permintaan Kerajaan Negeri itu bagi mendapatkan bayaran tersebut.

Bagaimanapun, kata beliau, permintaan kerajaan negeri Kelantan itu sekiranya diluluskan, akan menyebabkan negeri-negeri lain turut membuat permintaan yang sama.

+Kita bersedia untuk membayar pampasan yang diminta jika permohonan itu berasas. Kalau tidak berasas kita tidak boleh bayar,+ kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan projek Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya pemberita mengenai tindakan Kerajaan Negeri Kelantan sekali lagi menghalang pembinaan projek tersebut. Kali ini Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri itu menutup jalan ke kawasan pembinaan terowong di Kampung Renyuk menyebabkan keseluruhan kerja-kerja pembinaan projek itu terpaksa dihentikan buat sementara waktu. -- Lagi

▼07/07/13-28MST

CNS4589

R GB 07-07 00136 BH308

Bah

Mahathir - Pergau 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Kali pertama pembinaan projek itu terhenti ialah pada bulan Februari lepas apabila Kerajaan Negeri Kelantan menahan beberapa buah jentera untuk kegunaan kontraktor di kawasan pembinaan projek itu.

Sambil melahirkan rasa dukacitanya, Perdana Menteri berkata, cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah pampasan itu ialah rundingan bukan dengan menutup jalan.

Katanya, apa pula akan terjadi sekiranya Kerajaan Pusat pula menutup semua jalan menuju ke Kelantan.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Negeri itu sering menuduh Kerajaan Pusat tidak mahu menolong pembangunan di Kelantan.

Bagaimanapun, kata beliau, apabila Kerajaan Pusat mahu membantu, terdapat pula gangguan daripada Kerajaan Negeri.

+Kita berasa dukacitalah kerana tindakan yang semacam itu dibuat kalau kita hendak buat sesuatu untuk kebaikan negeri Kelantan,+ kata beliau. -- Bernama

▼07/07/13-31MST